

CNS9819

R GB 31-01 00185 BA733

bah

MAHATHIR: TEMPOH 72 JAM DI LANGKAWI MEMADAI

Mahathir - Cukai

LANGKAWI, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan tidak dapat menimbang cadangan untuk mengurangkan tempoh tinggal di Langkawi daripada 72 jam kepada 48 jam bagi tujuan pengecualian cukai, kerana tempoh yang telah ditetapkan itu adalah memadai.

Katanya, langkah membenarkan pelancong yang tinggal di Langkawi melebihi 72 jam memperolehi pengecualian itu, bertujuan menggalakkan mereka tinggal lebih lama di pulau bebas cukai itu.

+Kebanyakan pelancong bukan datang untuk membeli barang kerana membeli barang hanya sampingan bagi mereka. Kalau mereka mahu membeli barang dan tidak mahu dikenakan cukai mereka boleh tinggal di Langkawi melebihi 72 jam,+ katanya kepada pemberita di lapangan terbang antarabangsa di sini selepas melakukan lawatan sehari ke sini.

Beliau berkata, sekiranya tempoh itu dipendekkan ia akan menjejaskan perniagaan hotel-hotel yang terdapat di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata kerajaan tidak dapat menimbang cadangan untuk mengurangkan kadar cukai bagi barangan yang dibawa keluar dari pulau ini memandangkan pelbagai kemudahan lain telah diberikan. --  
Lagi.

▼31/01/19-26MST

CNS9821

R GB 31-01 00181 BA734

bah

Mahathir - Cukai 2 Langkawi

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan telah mengarahkan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) supaya mengadakan sebuah hotel yang selesa tetapi murah, memandangkan ramai pengunjung yang datang ke Langkawi tidak dapat tinggal di hotel yang sempurna dan murah.

Beliau juga berkata, kerajaan akan membesarkan lapangan terbang antara bangsa di sini sebagai persediaan bagi mengadakan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi '93 dan akan memanjangkan landasan di lapangan terbang itu bagi membolehkan pesawat yang lebih besar mendarat.

Langkah itu bertujuan memudahkan para pelancong dari Jepun dan Eropah misalnya untuk datang ke Langkawi dengan pesawat-pesawat sewa khas yang lebih besar, katanya.

Mengenai tuduhan sesetengah pihak kononnya kerajaan +menyamun+ tanah penduduk Langkawi, beliau berkata tuduhan itu tidak berasas memandangkan penduduk Langkawi telah menikmati hasil daripada pembangunan di pulau itu.

Beliau berkata, langkah kerajaan memberi taraf bebas cukai kepada Langkawi telah menyebabkan harga tanah di pulau itu meningkat berpuluh kali ganda dan mereka juga tidak dikenakan cukai untuk membeli kereta dan hanya membayar separuh daripada kadar cukai jalan. -- Lagi.

▼31/01/19-29MST

CNS9825

R GB 31-01 00159 BA735

bah

Mahathir - Cukai 3 Langkawi

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham bagaimana ada orang boleh membuat tuduhan sedemikian sedangkan kerajaan telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit untuk pembangunan pulau Langkawi yang memberi faedah kepada penduduknya.

Beliau percaya ada orang yang menghasut penduduk Langkawi untuk memburuk-burukkan rancangan kerajaan di sini dan ada kemungkinan orang yang membuat tuduhan seumpama itu tidak memiliki tanah di pulau ini.

Dalam lawatannya hari ini, Perdana Menteri telah melawat beberapa projek pembangunan termasuk hotel di Pantai Tengah dan Teluk Datai, tapak balai polis daerah di Kuah dan jeti Kuah.

Perdana Menteri juga meninjau dari udara Taman Laut Pulau Payar dan sekitar kawasan projek pembangunan Kuala Kedah.

Beliau menghabiskan masa kira-kira setengah jam meninjau projek tambak perlindungan pantai di Kampung Tepi Laut serta jambatan yang menghubungkan pekan Kuala Kedah dengan Kampung Seberang Kota yang telah siap dibina kira-kira sebulan yang lepas. -- Lagi.

♥31/01/19-30MST

CNS9826

R GB 31-01 00129 BA736

bah

Mahathir - Cukai 4 (akhir) Langkawi

Terdahulu, Datuk Seri Dr Mahathir melancarkan penggunaan +smart card+ yang pertama di Malaysia di kedai barangan cendera mata Kedah Marble Sendirian Berhad di lapangan terbang antarabangsa di sini.

Smart card yang bersaiz kad kredit itu dikeluarkan oleh Syarikat SmartCard Systems (M) Sendirian Berhad membolehkan orang ramai membeli barangan marmar dan cendera mata di kedai itu dan di kilang Kedah Marble di Bukit Putih Kuah.

Syarikat itu telah mengeluarkan 100 kad yang pertama bernilai \$100, \$500, \$1,000 dan \$5,000 yang boleh dibeli oleh orang ramai dan pelancong di sini.

Yang turut mengiringi lawatan beliau ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff dan Pengurus Besar LADA Haji Halil Abdul Mutalib. -- Bernama.

♥31/01/19-33MST